

14 NOV 1998

APEC-Berita-Politik/I

APEC TIDAK HARUS KETEPIKAN ISU POLITIK

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Mesyuarat-mesyuarat Apec yang sedang berlangsung di sini tidak harus mengetepikan isu politik kerana ia saling berkait dengan perkara-perkara ekonomi, kata Presiden Pergerakan Antarabangsa Just World (JUST) Dr Chandra Muzaffar hari ini.

"Kami bersetuju bahawa Apec pada dasarnya ialah satu forum yang memberi tumpuan kepada kerjasama ekonomi dan isu-isu ekonomi tetapi pada hakikatnya kita tidak boleh memisahkan isu ekonomi dan isu politik," katanya pada satu sidang berita di sini.

Persidangan berita bersama itu diadakan oleh Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) dan Gagasan Demokrasi Rakyat (Gagasan).

Ia dihadiri Pengerusi Gerak Datuk Haji Fadzil Noor, yang juga Presiden PAS, pengerusi Gagasan Tian Chua, dan pemimpin serta wakil Gerak yang lain.

JUST merupakan satu daripada 29 anggota Gerak yang terdiri daripada parti-parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan.

Dr Muzaffar berkata parti-parti politik dan NGO bimbang mengenai ketidakadilan global, termasuk isu-isu berhubung peranan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam krisis kewangan di Asia Timur.

"Kami bimbang dengan tumpuan kuasa ekonomi dalam tangan beberapa negara di peringkat global dan kesannya terhadap negara-negara di Selatan," katanya.

Sementara mereka bimbang dengan ketidakadilan global, mereka turut bimbang mengenai ketidakadilan dalam Malaysia sendiri.

"Kita tidak boleh bimbang mengenai ketidakadilan global tetapi tidak mengambil pendirian dalam ketidakadilan di negara sendiri dan apa yang berlaku kepada (bekas timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isu-isu lain yang berkaitannya," katanya.

Dr Muzaffar berkata cara kerajaan membantu badan-badan korporat semasa kemerosotan ekonomi juga turut membimbangkan.

Terdahulu Fadzil dan Tian masing-masing membacakan kenyataan akhbar bersama dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Antara lain Gerak dan Gagasan menggesa kerajaan mendedahkan kepada umum dakwaan kekasaran yang dilakukan terhadap Anwar dan menghukum mereka yang bertanggungjawab.

Mereka juga menggesa supaya perbicaraan Anwar dan kes-kes lain yang berhubung dengan isu Anwar dijalankan mengikut standard keadilan dan kesaksamaan yang paling tinggi.

Mereka meminta tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dibebaskan, mendesak kerajaan memastikan rakyat bebas bercakap, menganjur, berpesatuan dan berkumpul dalam keadaan aman dalam meneruskan matlamat dan ideal demokratik mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga harus bersedia mengadakan pilihan raya umum secepat mungkin, kata mereka.

-- BERNAMA

AFY APG RON